

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI HASBI BIN
HAJI HABIBOLLAH [LIMBANG]**

TARIKH : 13.10.2014

SOALAN :

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan dapatkah Kementerian mempercepatkan pelaksanaan mengganti dan menaik taraf SMK Limbang yang sudah daif dan mempunyai penuntut melebihi seribu orang murid.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telahpun mengemukakan permohonan peruntukan untuk projek mengganti dan menaik taraf SMK Limbang dalam *Rolling Plan* Keempat RMKe-10 bagi pelaksanaan tahun 2015 kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Walau bagaimanapun, kelulusan permohonan ini adalah tertakluk kepada kedudukan semasa kewangan negara.